



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# KENYATAAN MEDIA

## " ISU PEMBINAAN KUIL DI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA "

**PUTRAJAYA, 8 Januari 2015** – Kuil Penganut Dewi Sri Maha Mariamman Devasthanam yang berkeluasan 1833.89 meter persegi yang dicadangkan di Presint 20 ini merupakan kuil penggantian kepada 15 buah kuil yang telah dirobohkan sebelum ini bagi memberi laluan kepada pembinaan Putrajaya. Pembinaan kuil ini adalah **TIDAK** menggunakan peruntukan kerajaan samada dari Kementerian Wilayah Persekutuan ataupun Perbadanan Putrajaya.

2. Pelan Induk Putrajaya pada tahun 1997 telah menetapkan plot-plot rizab agama-agama lain termasuk kuil di Presint 20. Antara kuil-kuil hindu yang telah dirobohkan dahulu adalah Kuil Sri Maha Mariaman di Ladang Sidgelley Presint 14, Kuil Bukit Prang di Jalan B15, Ladang Prang Besar 2, Kuil Sri Durga Kaliaman Presint 20 serta kuil-kuil lain di Presint 3, 7, 11, 13, 14, 15, dan 16. Putrajaya yang sebelum ini merupakan kawasan ladang, mempunyai pelbagai kuil dari yang bersaiz besar hingga bersaiz sederhana.

3. Selari dengan Perlembagaan Negara yang menjamin kebebasan amalan beragama, maka Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan turut merizabkan lot-lot tanah bagi tujuan pembinaan rumah-rumah ibadat di Presint 20 seperti yang terkandung dalam Pelan Induk Putrajaya.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
8 Januari 2015  
Putrajaya